

JARDIN BETACREAM 0.05% BETAMETHASONE VALERATE 0.5% W/W CREAM

Betamethasone Valerate (0.05% w/w)

JARDIN BETACREAM 0.025% BETAMETHASONE VALERATE 0.025% W/W CREAM

Betamethasone Valerate (0.025% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Jardin Betacream
2. Bagaimana Jardin Betacream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Jardin Betacream
4. Cara menggunakan Jardin Betacream
5. Semasa menggunakan Jardin Betacream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Jardin Betacream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Jardin Betacream

Jardin Betacream digunakan untuk kegatalan, kemerahan dan bengkak disebabkan masalah kulit seperti ekzema, psoriasis dan dermatitis. Ia digunakan untuk:

- masalah kulit yang lebih ringan atau
- untuk memastikan masalah kulit anda adalah terkawal.

Bagaimana Jardin Betacream berfungsi

Jardin Betacream mengandungi ubat yang dipanggil Betamethasone Valerate. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai steroid. Ia membantu untuk mengurangkan bengkak dan kerengsaan.

Sebelum menggunakan Jardin Betacream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- Anda mempunyai alahan terhadap Betamethasone atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- Kanak-kanak berumur kurang dari 1 tahun.
- Untuk merawat masalah kulit yang berikut:
 - Jerawat
 - Kemerahan teruk pada kulit dan sekitar hidung (rosacea).
 - Tompokan ruam merah sekitar mulut (perioral dermatitis)
 - Gatal di sekitar dubur dan kemaluan
 - Jangkitan kulit disebabkan oleh kulat dan bakteria.
 - Jangkitan kulit disebabkan oleh virus seperti herpes simplex dan chickenpox.

- Sebelum menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Jardin Betacream jika anda:

- Jika anda pernah mempunyai reaksi alahan dengan steroid lain.
- Jika anda sapukan krim berhampiran mata atau di atas kelopak mata, katarak atau glaukoma
- Jika anda sapukan krim pada kulit nipis seperti muka atau pada kulit kanak-kanak memandangkan kulit mereka adalah lebih nipis berbanding orang dewasa dan membolehkan penyerapan dalam jumlah yang lebih besar.
- Jika anda mempunyai psoriasis.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru mengambil sebarang ubat-ubatan, termasuk:

- Ubat-ubat tanpa preskripsi
- Ubat herba

Cara menggunakan Jardin Betacream

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan sekali atau 2 kali sehari. Kekerapan boleh dikurangkan apabila kulit semakin pulih.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Ia digunakan untuk tempoh sesingkat mungkin bagi mendapat manfaat terapeutik yang dikehendaki.

Terapi hendaklah dihentikan secara beransur-ansur apabila kawalan telah dicapai.

Bagi kanak-kanak di atas 1 tahun: Penggunaan hendaklah dihadkan kepada 5 hari.

- Jika anda terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

JARDIN BETACREAM 0.05% BETAMETHASONE VALERATE 0.05% W/W CREAM

Betamethasone Valerate (0.05% w/w)

JARDIN BETACREAM 0.025% BETAMETHASONE VALERATE 0.025% W/W CREAM

Betamethasone Valerate (0.025% w/w)

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan bisa, rasa membakar, kerengsaan atau gatal.

Semasa menggunakan Jardin Betacream

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Jardin Betacream.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Sentiasa bersihkan tangan anda sebelum dan selepas menggunakan krim.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Jardin Betacream kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa bisa, kerengsaan atau gatal, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Jardin Betacream mungkin mengganggu penglihatan anda buat sementara waktu. Pastikan anda tahu bagaimana anda bertindak balas terhadap ubat ini sebelum anda memandu kereta, mengendalikan jentera atau melakukan aktiviti lain yang mungkin berbahaya.

Selalu cuci kulit sebelum balutan baru digunakan kerana keadaan panas dan lembap boleh menyebabkan infeksi kuman.

Jika anda menyapu krim pada pesakit lain, pastikan tangan dicuci selepas berbuat demikian atau pakailah sarung tangan plastik pakai buang.

Jika masalah kulit anda tidak bertambah baik dalam tempoh 2 hingga 4 minggu, berbincang dengan doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Jardin Betacream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

- Anda mendapati bahawa keadaan kulit anda menjadi lebih teruk atau menjadi bengkok semasa rawatan.
- Anda mungkin alah kepada Jardin Betacream, mempunyai jangkitan atau memerlukan rawatan lain.

- Anda mempunyai psoriasis dan mendapat benjolan kecil dan nanah di bawah kulit. Ini boleh berlaku jarang sekali semasa atau selepas rawatan dan dikenali sebagai psoriasis pustular.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Jardin Betacream

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu di bawah 30 °C.

Tutup tiub dengan rapat.

Jangan sapu ubat ini selepas tarikh luput atau jika penutup muncung tiub telah rosak atau tiub telah bocor.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

JARDIN BETACREAM 0.05% BETAMETHASONE VALERATE 0.05% W/W CREAM

Betamethasone Valerate (0.05% w/w)

JARDIN BETACREAM 0.025% BETAMETHASONE VALERATE 0.025% W/W CREAM

Betamethasone Valerate (0.025% w/w)

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Krim berwarna putih, lembut dan bebas dari bendasing.

- *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif

- Betamethasone Valerate

- Bahan tidak aktif

- White Soft Paraffin
- Liquid Paraffin
- Cetostearyl alcohol
- Cetomacrogol 1000
- Propyl paraben
- Methyl paraben
- Purified water

- *Nombor MAL*

MAL25116012AZ

MAL25116013AZ

Pengilang

Jardin Manufacturing Sdn Bhd,
Lot 1,2,3 & 4,
Kawasan Industri Batu 7, 23000,
Dungun, Terengganu,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Jardin Manufacturing Sdn Bhd,
No 12-1, Jalan Delta U6/19,
Sunway Subang Business Park,
Jalan TUDM, 40150,
Shah Alam, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

03/03/2026

Nombor Siri

NPRA(R2)25/143